

## Ancaman Penyebaran Berita Palsu Kepada Perpaduan Rakyat Berbilang Kaum di Malaysia: Satu Kajian Awal

### *Fake News Spread as A Threat to Multiethnic Community Unity in Malaysia: A Preliminary Study*

\*Mohd Farhan Abd Rahman<sup>1</sup>, Muhd Imran Abd Razak<sup>2</sup>,

Ahmad Firdaus Mohd Noor<sup>3</sup>, Muhammad Yusri Yusof@Salleh<sup>4</sup>,

Atiratun Nabilah Jamil<sup>5</sup>, Nurul Kamalia Yusuf<sup>6</sup>, Khairunnisa A Shukor<sup>7</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup>*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia*

<sup>6</sup>*Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban, 70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia*

<sup>7</sup>*Jabatan Pengajian Moral, Sivik & Pembangunan Karektor, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia*

\*farhan84@uitm.edu.my<sup>1</sup>, imranrazak@uitm.edu.my<sup>2</sup>, firdausnoor@uitm.edu.my<sup>3</sup>,  
yusri613@uitm.edu.my<sup>4</sup>, atiratun1774@uitm.edu.my<sup>5</sup>, nurulkamalia@uitm.edu.my<sup>6</sup>,  
khairunnisa.a@fsk.upsi.edu.my<sup>7</sup>

**\*Corresponding author**

*Received: 22 June 2025; Accepted: 31 August 2025; Published: 1 September 2025*

#### **ABSTRAK**

*Kajian ini membincangkan mengenai ancaman penyebaran berita palsu terhadap perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia. Berita palsu, atau yang dikenali sebagai "fake news," telah menjadi isu yang semakin mendalam dalam era globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik dan menganalisis ancaman yang dihadapi oleh rakyat berbilang kaum di Malaysia akibat penyebaran berita palsu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah penyelidikan perpustakaan dan analisis kandungan bagi mengkaji penulisan terdahulu, seterusnya menganalisis faktor berlakunya penyebaran berita palsu, kesan terhadap perpaduan rakyat dan langkah bagi mengatasi permasalahan tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa penyebaran berita palsu boleh memberi kesan serius terhadap perpaduan rakyat di negara ini. Kesan ini termasuk peningkatan ketegangan antara kaum, kurangnya kepercayaan dalam kalangan masyarakat, dan penyebaran pandangan prejudis. Oleh itu, salah satu cadangan penulis memberi tumpuan kepada keperluan mengukuhkan ilmu literasi media di kalangan rakyat Malaysia sebagai satu pendekatan untuk mengekang ancaman penyebaran berita palsu. Dalam usaha membangunkan perpaduan yang kukuh, kerjasama antara pihak berkuasa, industri media, dan masyarakat awam amat penting bagi menangani isu ini.*

**Kata Kunci:** *Berita palsu; Literasi media; Media; Perpaduan kaum; Pendidikan*

#### **ABSTRACT**

This study discusses the threat of fake news dissemination to the unity of Malaysia's multiracial society. Fake news has become an increasingly pressing issue in the era of globalization and the advancement of information technology. The objective of this study is to investigate and

analyze the threats faced by Malaysia's multiracial population due to the spread of fake news. A qualitative approach is employed, using library research and content analysis methods to examine previous writings. The study analyzes the factors contributing to the spread of fake news, its effects on national unity, and strategies to address the problem. The findings indicate that the spread of fake news can have serious repercussions on national unity. These effects include heightened racial tensions, erosion of trust within society, and the spread of prejudiced views. Therefore, one of the recommendations emphasizes the need to strengthen media literacy among Malaysians as an approach to curb the threat of fake news. In the effort to build strong national unity, cooperation between authorities, the media industry, and the public is crucial in tackling this issue.

**Keywords:** *Fake News; Media Literacy; Media; Racial Unity; Education*



ISSN: 2550-214X © 2025. Published for *Ideology Journal* by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-No Commercial-No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

## 1 PENGENALAN

Dalam era globalisasi dan teknologi maklumat yang pesat, isu penyebaran berita palsu telah menarik perhatian masyarakat di seluruh dunia, termasuk Malaysia yang merupakan negara berbilang kaum. Fenomena ini tidak hanya mencetuskan keprihatinan terhadap integriti maklumat, tetapi juga mengakibatkan ancaman serius terhadap perpaduan rakyat yang diperkukuhkan dengan budaya dan nilai yang beraneka ragam (Azahari & Jasmi, 2022).

Tajuk kajian ini menggariskan permasalahan yang tidak dapat diabaikan dalam konteks negara Malaysia. Penyebaran berita palsu telah merentas sempadan media dan membanjiri alam siber dengan maklumat yang tidak disahkan. Hasil daripada penyebaran berita palsu ini bukan sahaja mengelirukan masyarakat, malah boleh mengakibatkan kekacauan sosial, meningkatkan ketegangan antara kaum, dan merosakkan kepercayaan di kalangan rakyat.

Dalam konteks Malaysia yang kaya dengan pelbagai kaum dan agama, kesan ancaman ini dapat dirasai secara lebih mendalam. Isu-isu sensitif berkaitan agama, budaya, dan kaum sering kali menjadi sasaran penyebaran berita palsu yang bertujuan untuk memecah-belahkan rakyat dan mencetuskan konflik (Mat Zain et al, 2024). Oleh itu, kajian ini tidak hanya memfokus kepada mengenal pasti kategori berita palsu, faktor dan kesan penyebaran berita palsu terhadap perpaduan masyarakat berbilang kaum, malah mencadangkan beberapa langkah efektif untuk mengatasi ancaman ini.

Dengan merungkai permasalahan ini, kajian ini turut memberi penekanan kepada pentingnya ilmu literasi media di kalangan rakyat Malaysia (Azahari & Jasmi, 2022). Kesedaran terhadap sumber maklumat yang boleh dipercayai dan kemahiran mengenali berita palsu perlu ditingkatkan untuk melindungi perpaduan yang terjalin dalam masyarakat berbilang kaum. Melalui pendekatan kajian yang holistik, diharapkan sumbangan maklumat dalam penyelidikan ini akan memberi panduan untuk langkah-langkah mengatasi ancaman penyebaran berita palsu dan mengekalkan perpaduan yang teguh di kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

## 2 KAEDAH PENYELIDIKAN

Bagi melengkapkan kajian ini, penulis menggunakan dua pendekatan iaitu kaedah penyelidikan perpustakaan dan analisis kandungan.

### 2.1 Kaedah Penyelidikan Perpustakaan

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan untuk meneroka ancaman yang ditimbulkan oleh penyebaran berita palsu terhadap perpaduan rakyat pelbagai kaum di Malaysia. Kaedah ini bertujuan untuk mengumpul dan menganalisis data dari penerbitan akademik seperti pangkalan data dalam talian, laporan dan sumber media yang boleh dipercayai untuk memahami konteks sejarah, teori, dan penyelidikan terdahulu mengenai kajian ini (Wildemuth, 2016). Sumber-sumber ini akan memberikan gambaran mengenai ancaman penyebaran berita palsu kepada perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia. Bagi memastikan kesesuaian dan kualiti sumber, kajian ini akan memberi tumpuan kepada penerbitan dalam tempoh lima tahun yang lepas, dengan penekanan khusus kepada artikel yang mengkaji berita palsu dan pengaruh media dalam konteks Malaysia.

## 2.2 Kaedah Analisis Kandungan

Kajian ini akan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengkaji bagaimana berita palsu disebarkan melalui pelbagai platform seperti media sosial dan kesannya terhadap perpaduan rakyat pelbagai kaum di Malaysia. Analisis kandungan adalah kaedah sistematik yang digunakan untuk menganalisis tema, dan konsep dalam pelbagai bentuk medium seperti teks, video, gambar dan sebagainya (Krippendorff, 2018). Hasil daripada penganalisan tersebut, penulis dapat memahami bagaimana maklumat palsu mempengaruhi persepsi awam terhadap hubungan perkauman dan menyumbang kepada kebarangkalian perpecahan kaum di Malaysia.

## 3 KATEGORI BERITA PALSU YANG SERING MENIMBULKAN ANCAMAN KEPADA PERPADUAN

Berita palsu merupakan fenomena yang sering kali membawa ancaman serius kepada perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Penyebaran berita palsu mungkin datang dalam pelbagai gaya dan niat, tetapi semua berkongsi tujuan untuk mempengaruhi persepsi dan menimbulkan konflik (Hamzah et al., 2020). Terdapat beberapa kategori berita palsu yang dilihat menimbulkan ancaman kepada perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia, iaitu:

- i. *Berita palsu mengenai konflik perkauman*: Berita palsu yang menggambarkan konflik atau ketegangan antara kaum atau etnik di Malaysia (Hamzah et al., 2020). Ia boleh mengakibatkan timbul perasaan tidak senang hati dan ketidakpercayaan antara masyarakat berbilang kaum.
- ii. *Pemutarbelit fakta sejarah*: Penyebaran berita palsu bertujuan mengubah atau mengelirukan fakta sejarah untuk menghasilkan persepsi yang negatif mengenai sejarah dan sumbangan pelbagai kaum terhadap negara (Haniffa et al., 2018).
- iii. *Penyebaran gambar atau video palsu*: Berita palsu ini melibatkan penggunaan gambar atau video yang diedit atau diambil dari konteks asal mereka untuk mencipta naratif palsu yang boleh mengelirukan masyarakat (Azahari & Jasmi, 2022).
- iv. *Persepsi negatif terhadap isu keagamaan*: Berita palsu yang berkaitan dengan agama boleh mempengaruhi persepsi dan kefahaman masyarakat terhadap agama lain. Keadaan tersebut boleh mencetuskan konflik agama dan mengancam perpaduan yang telah lama terjalin (Mat Zain et al, 2024).
- v. *Penghinaan dan fitnah*: Berita palsu yang menghina atau memfitnah individu, atau kumpulan tertentu berdasarkan kaum atau agama. Ini boleh mencetuskan rasa marah dan perasaan tidak puas hati di kalangan masyarakat (Rosman & Rasit, 2021).
- vi. *Berita palsu yang berkaitan dengan isu sensitif*: Berita palsu yang berkaitan dengan isu-isu sensitif seperti hak asasi manusia, hak wanita, dan hak LGBT yang boleh mencetuskan perpecahan dalam masyarakat.

Penting bagi setiap rakyat untuk memahami bahawa berita palsu dalam semua kategori ini boleh menggugat perpaduan di Malaysia. Oleh itu, adalah penting untuk sentiasa memeriksa dan mengesahkan maklumat sebelum dipercayai atau berkongsi, serta berusaha untuk mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber yang sahih dan boleh dipercayai.

## 4 FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG KEPADA PENYEBARAN BERITA PALSU

Penyebaran berita palsu di Malaysia diwarnai oleh pelbagai faktor yang memberi sumbangan kepada penyebaran maklumat yang tidak sahih dan merosakkan perpaduan rakyat berbilang kaum. Fenomena penyebaran berita palsu bukan hanya mencetuskan keprihatinan terhadap integriti maklumat, tetapi juga mengancam perpaduan masyarakat yang kaya dengan pelbagai budaya dan agama (Rahman et al., 2019). Faktor-faktor yang menyumbang kepada penyebaran berita palsu dalam konteks ini termasuk:

Pertama, kemudahan teknologi maklumat. Kemajuan dalam teknologi maklumat, khususnya internet dan platform media sosial, telah membawa kemudahan kepada individu untuk mencipta, menyunting, dan berkongsi maklumat dengan cepat. Ini termasuk penghasilan teks, gambar, video, dan audio yang boleh disebarkan dengan mudah kepada Masyarakat (Mokhtar et al., 2022).

Teknologi maklumat membolehkan individu atau kumpulan dengan niat baik atau jahat menghasilkan berita palsu dengan cepat dan dengan kos yang rendah. Ini kerana alat seperti pelayan web, perisian penyuntingan gambar dan video, serta platform media sosial memudahkan proses ini. Berita palsu boleh dihasilkan dalam bentuk teks yang dilaungkan sebagai berita sebenar, atau dalam bentuk gambar dan video yang direka semula untuk mengelirukan penonton.

Kedua, keinginan mencari perhatian. Beberapa individu atau kumpulan mungkin menyebarkan berita palsu untuk mendapatkan perhatian dan populariti di media sosial atau dalam kalangan tertentu (Mokhtar et al., 2022). Dalam dunia digital dan media sosial, populariti sering diukur melalui jumlah "like", "share" atau komen yang diterima atas kandungan yang ditularkan. Mereka yang merasa kurang diberi perhatian atau ingin meningkatkan imej sosial mereka mungkin merasakan bahawa menyebarkan berita palsu dapat membantu mereka mencapai tujuan ini tanpa memikirkan kesan kepada perpaduan rakyat.

Ketiga, niat politik. Dalam suasana politik yang tegang, terdapat situasi di mana berita palsu sering kali disebarkan sebagai strategi untuk memburukkan imej lawan politik dan mencapai tujuan politik tertentu. Tindakan ini memberi kesan negatif kepada masyarakat, di mana rakyat berpecah-belah kerana percanggahan informasi yang tidak benar (Mat Zain et al., 2024).

Dalam usaha untuk meraih kelebihan politik dan mendapatkan sokongan daripada pengundi, sesetengah pihak mungkin menggunakan berita palsu sebagai senjata untuk menyerang lawan politik mereka. Mereka mungkin menyebarkan maklumat palsu atau memutarbalikkan fakta dengan niat untuk menghancurkan reputasi lawan politik dan mencipta persepsi negatif tentang mereka.

Tindakan seperti ini boleh menyebabkan kemerosotan hubungan antara pihak yang bersaing dan juga menyumbang kepada perpecahan dalam masyarakat secara umum. Ini kerana berita palsu yang dihasilkan dalam konteks politik seringkali melibatkan isu-isu sensitif dan kontroversial yang boleh menggalakkan prasangka dan konflik dalam kalangan masyarakat. Masyarakat yang terdedah kepada berita palsu mungkin akan terpecah-belah menjadi kumpulan-kumpulan yang berbeza pendapat dan berperasaan tidak selesa antara satu sama lain.

Keempat, kebarangkalian penyebaran berita tanpa pengesahan. Pengguna media sosial sering berkongsi berita tanpa memeriksa kesahihannya terlebih dahulu (Mashudi et al., 2024). Kurangnya pengesahan maklumat sebelum berkongsi boleh menggalakkan berlakunya penyebaran berita palsu secara tidak sengaja.

Seiring dengan kepantasan dalam mengakses maklumat, segelintir masyarakat dilihat terlalu cepat untuk berkongsi berita atau informasi yang dilihat di media sosial tanpa mengambil langkah tambahan untuk memeriksa kebenaran atau sumber maklumat tersebut. Ketiadaan pengesahan boleh terjadi atas

beberapa faktor, seperti kesibukan, keinginan untuk menyampaikan sesuatu dengan pantas, atau ketidakpastian mengenai cara untuk mengesahkan maklumat tersebut.

Kelima, kekurangan pengetahuan mengenai ilmu literasi media. Ketiadaan pemahaman yang mencukupi mengenai literasi media boleh menyebabkan masyarakat menghadapi kesulitan untuk membezakan antara berita palsu dan berita yang sahih (Elvionita & Sannusi, 2022).

Ilmu literasi media merujuk kepada kemampuan untuk memahami, menilai, menganalisis, dan mengkritik maklumat yang diterima melalui media. Ilmu ini membantu seseorang untuk menjadi pengguna media yang bijak dan kritis, serta memahami bagaimana media beroperasi dan bagaimana maklumat disampaikan. Keupayaan untuk mengenali ciri-ciri berita palsu, menilai sumber maklumat, dan memahami konteks sosial dan politik di sebalik berita adalah komponen penting dalam literasi media (Allam et al., 2024).

Apabila masyarakat kekurangan pengetahuan mengenai ilmu literasi media, mereka mungkin mudah terpengaruh oleh berita palsu. Masyarakat mungkin tidak tahu bagaimana untuk mengesan petanda yang menunjukkan bahawa sesuatu berita adalah palsu, seperti sumber yang tidak diketahui, tajuk yang kontroversi, atau penyelewengan fakta. Masyarakat juga mungkin tidak tahu cara untuk mengenal pasti sumber berita yang boleh dipercayai atau bagaimana untuk memeriksa fakta yang disajikan dalam berita.

Pengenalan faktor-faktor ini penting bagi memahami mengapa penyebaran berita palsu berlaku dan bagaimana ia dapat menimbulkan ancaman serius terhadap perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang budaya dan kaum. Dengan mengenal pasti faktor-faktor ini, usaha untuk mengatasi penyebaran berita palsu dan membangunkan literasi media yang lebih baik dapat ditingkatkan.

## **5 KESAN PENYEBARAN BERITA PALSU TERHADAP PERPADUAN RAKYAT BERBILANG KAUM DI MALAYSIA**

Penyebaran berita palsu memberikan kesan yang serius terhadap perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia. Fenomena ini tidak hanya merosakkan kepercayaan antara kaum, malah boleh menyebabkan ketegangan sosial dan konflik yang berpanjangan. Berikut adalah beberapa kesan utama penyebaran berita palsu terhadap perpaduan masyarakat di Malaysia:

- i. *Memecah-belahkan masyarakat*: Berita palsu yang membentuk persepsi negatif terhadap sesuatu kaum boleh mengakibatkan rasa tidak puas hati dan marah di kalangan anggota kaum tersebut. Ini boleh mengakibatkan perpecahan dan kebencian dalam masyarakat (Azahari & Jasmi, 2022).
- ii. *Meningkatkan ketegangan agama*: Berita palsu berkaitan agama seringkali mencetuskan ketegangan di kalangan penganut agama yang berbeza. Isu-isu sensitif berkaitan agama boleh merosakkan perpaduan dan membawa kepada konflik antara berbilang agama terutama apabila ia melibatkan isu-isu yang diputar belit dan disensasikan di media sosial (Mat Zain et al, 2024).
- iii. *Menimbulkan kecurigaan antarabangsa*: Berita palsu yang melibatkan pihak asing atau negara lain boleh merosakkan hubungan diplomasi dan merencatkan persepsi masyarakat terhadap negara lain. Ini boleh menjejaskan persepsi positif terhadap perpaduan di Malaysia serta memberi kesan terhadap hubungan diplomatik dan imej negara di peringkat antarabangsa (Elvionita & Sannusi, 2022).
- iv. *Menggugat stabiliti sosial*: Berita palsu berkaitan keselamatan dan kestabilan sosial boleh menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat. Isu-isu berkaitan dengan gangguan awam seperti rusuhan kaum boleh menimbulkan panik dan menjejaskan keharmonian antara kaum (Azahari & Jasmi, 2022).
- v. *Menghambat perkembangan ekonomi*: Berita palsu berkaitan ekonomi boleh merosakkan keyakinan dalam kalangan pelabur dan pengusaha, serta menyebabkan ketidakstabilan pasaran tempatan akibat penurunan keyakinan pelabur. Ini boleh memberi impak negatif kepada perkembangan ekonomi negara dan masyarakat secara keseluruhan (Haron, 2023).

- vi. *Menjatuhkan reputasi individu dan institusi*: Individu dan institusi mungkin menjadi mangsa berita palsu yang bertujuan untuk menjatuhkan reputasi mereka. Ini boleh merosakkan keyakinan dalam sistem dan pucuk pimpinan (Hamzah et al., 2020).
- vii. *Menyekat dialog berbilang kaum*: Penyebaran berita palsu boleh menghalang usaha dialog dan perkongsian maklumat di antara berbilang kaum. Ketegangan yang dihasilkan boleh mengganggu perkembangan hubungan yang harmoni di kalangan masyarakat (Rahman et al., 2019).

Secara keseluruhannya, penyebaran berita palsu memberi impak negatif yang mendalam terhadap perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Ancaman ini bukan sahaja mengugat keharmonian sosial, tetapi turut menjejaskan pembangunan ekonomi dan kemajuan negara secara menyeluruh. Oleh itu, kesedaran mengenai ancaman ini perlu ditingkatkan dan langkah-langkah bersepadu perlu diambil untuk melawan penyebaran berita palsu dan memupuk pemahaman yang lebih mendalam di kalangan rakyat Malaysia.

## **6 CADANGAN MENGATASI PENYEBARAN BERITA PALSU DI KALANGAN RAKYAT BERBILANG KAUM DI MALAYSIA**

Bagi mengatasi ancaman penyebaran berita palsu terhadap perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia, beberapa langkah penting boleh diketengahkan bagi mempromosi kesedaran dalam masyarakat mengenai isu ini. Berikut adalah beberapa langkah yang boleh diambil:

Pertama, pendidikan literasi media. Sistem pendidikan perlu menitikberatkan literasi media sebagai satu kemahiran asas. Masyarakat perlu didedahkan kepada cara mengenali berita palsu, memeriksa sumber, serta menganalisis maklumat sebelum berkongsi di dalam media sosial (Azahari & Jasmi, 2022).

Kekurangan ilmu literasi media boleh menyebabkan masyarakat berbilang kaum gagal memahami bagaimana berita palsu boleh mempengaruhi pandangan dan sikap mereka. Masyarakat mungkin mudah terpengaruh oleh retorik yang menyesatkan atau terjebak dalam perpecahan kaum kerana tidak mampu menganalisis dengan kritis maklumat yang diterima (Allam et al., 2024). Oleh itu, penting kepada masyarakat berbilang kaum untuk meningkatkan pengetahuan mengenai pendidikan literasi media.

Langkah ini boleh dicapai melalui pengenalan kepada konsep literasi media, latihan mengenal pasti berita palsu, dan kemahiran analisis kritis. Sekolah, universiti, dan agensi media boleh memainkan peranan penting dalam meningkatkan literasi media dengan menyediakan kursus dan sumber belajar yang relevan.

Dalam dunia yang penuh dengan maklumat dan media sosial, memahami literasi media adalah penting untuk menjadikan masyarakat berbilang kaum bijak dalam mengendalikan informasi. Melalui literasi media yang baik, masyarakat dapat menghadapi cabaran berita palsu dengan lebih efektif dan mengambil keputusan yang lebih berasaskan fakta (Elvionita & Sannusi, 2022).

Kedua, kempen kesedaran. Kempen kesedaran awam perlu dijalankan melalui platform media massa seperti televisyen, radio, dan surat khabar serta media sosial untuk menyebarkan informasi mengenai bahaya berita palsu (Azahari & Jasmi, 2022). Masyarakat berbilang kaum perlu didedahkan kepada implikasi penyebaran berita palsu terhadap perpaduan dan kesannya dalam jangka masa panjang. Antara kaedah kempen kesedaran lain yang boleh digunakan adalah siaran awam seperti seminar dan program motivasi, kerjasama dengan institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti dalam menyediakan bahan-bahan pendidikan seperti brosur, poster, dan video pendek yang menjelaskan ciri-ciri berita palsu.

Ketiga, penguatkuasaan undang-undang. Kerajaan perlu mengukuhkan undang-undang dan peraturan berkaitan penyebaran berita palsu (Kamil & Malek, 2021). Cadangan ini merangkumi

tindakan undang-undang terhadap individu atau kumpulan yang sengaja menyebarkan berita palsu untuk memecah belahkan masyarakat berbilang kaum.

Keempat, kolaborasi antara pihak kerajaan dengan industri media. Industri media perlu memastikan berita yang disebarkan adalah sahih dan mematuhi standard serta etika yang ditetapkan oleh kerajaan. Pihak kerajaan perlu menyediakan maklumat rasmi dan sahih kepada industri media untuk mengelakkan penyebaran maklumat palsu. Langkah ini membantu industri media seperti wartawan dan penggiat media lain untuk mengambil sumber maklumat yang tepat, serta bijak dalam menganalisis dan menyebarkan berita kepada umum (Azahari & Jasmi, 2022; Amdan et al., 2022). Selain itu, pihak kerajaan juga boleh berkolaborasi dengan industri media untuk menyediakan informasi mengenai kepentingan ilmu literasi media kepada masyarakat berbilang kaum.

Menerusi bekerjasama ini, ia dapat membangunkan ekosistem media yang lebih bertanggungjawab, berintegriti, dan berkualiti. Langkah ini bukan sahaja membantu melindungi perpaduan dan stabiliti masyarakat, tetapi juga memupuk persekitaran media yang lebih positif dan bermanfaat.

Kelima, sokongan teknologi. Penggunaan teknologi seperti aplikasi pengesanan berita palsu dan kecerdasan buatan boleh membantu mengenal pasti kandungan berita dengan lebih efisien. Langkah ini memudahkan masyarakat berbilang kaum untuk mengesahkan kesahihan berita sebelum berkongsi dalam media sosial.

Keenam, sokongan kumpulan masyarakat. Langkah ini melibatkan kerjasama antara pelbagai kumpulan masyarakat seperti institusi pendidikan, agensi kerajaan, dan organisasi bukan kerajaan, dalam usaha untuk menyedarkan dan mendidik masyarakat berbilang kaum mengenai bahaya berita palsu (Azahari & Jasmi, 2022). Setiap kumpulan masyarakat boleh berkolaborasi menerusi kempen kesedaran mengenai bahaya berita palsu. Antaranya mengedarkan maklumat seperti risalah mengenai ciri-ciri berita palsu dan kaedah untuk memeriksa kebenaran maklumat sebelum dikongsikan dalam media sosial.

Hasil kerjasama tersebut, ia boleh membantu menyebarkan kesedaran mengenai kepentingan ilmu literasi media kepada masyarakat untuk menapis kandungan berita dalam pelbagai saluran (Azahari & Jasmi, 2022). Usaha bersama ini dapat membentuk masyarakat yang lebih peka terhadap bahaya berita palsu dan lebih berdaya saing dalam dunia media yang semakin kompleks.

Ketujuh, tindakan pantas pihak berkuasa dan industri media dalam mengatasi penyebaran berita palsu di kalangan masyarakat berbilang kaum. Pendekatan pengesahan maklumat seperti penjelasan rasmi dan penyebaran maklumat yang tepat dapat mengurangkan impak negatif berita palsu dan memastikan masyarakat menerima maklumat yang sahih. Langkah ini juga membantu membina kepercayaan masyarakat terhadap sumber rasmi dan meningkatkan kesedaran akan bahaya berita palsu (Azahari & Jasmi, 2022; Amdan et al., 2022).

Menerusi pelbagai cadangan ini, usaha kolektif dapat dijalankan untuk mengatasi ancaman penyebaran berita palsu kepada perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia. Pendidikan, kesedaran, dan kerjasama adalah kunci dalam memerangi fenomena ini dan memastikan perpaduan rakyat tetap kukuh dan harmoni.

## **7 KESIMPULAN**

Ancaman penyebaran berita palsu kepada perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia adalah isu yang serius dan perlu ditangani dengan tindakan bersepadu. Penyebaran berita palsu mampu merosakkan hubungan antara kaum, mencetuskan ketidakpercayaan kepada sumber maklumat, dan mengancam kestabilan sosial. Fenomena ini diperkuatkan dengan kemajuan teknologi yang memudahkan penyebaran berita palsu serta kecenderungan beberapa individu atau kumpulan untuk memanipulasi maklumat dalam mencapai agenda tertentu.

Bagi menangani ancaman ini, ia perlu melibatkan kerjasama daripada semua pihak seperti agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan, industri media, institusi pendidikan dan masyarakat. Kesedaran masyarakat mengenai risiko dan petanda berita palsu perlu ditingkatkan melalui kempen kesedaran dan pendidikan literasi media. Pihak kerajaan, industri media, dan kumpulan masyarakat juga perlu bekerjasama dalam menyediakan maklumat yang tepat mengenai sesuatu berita.

Kerjasama antara pihak berkuasa dan industri media dalam mengesahkan sesuatu berita sebelum dikongsikan kepada umum adalah penting untuk memastikan hanya maklumat sahih yang sampai kepada masyarakat. Di samping itu, tindakan pantas dan telus daripada pihak berkuasa dan industri media adalah penting untuk mengurangkan kesan negatif penyebaran berita palsu di kalangan rakyat berbilang kaum.

Bagi menghadapi cabaran globalisasi dan teknologi maklumat, memelihara perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia adalah tanggungjawab bersama. Dengan melibatkan semua lapisan masyarakat dan menjalankan usaha kolektif, kita dapat menjaga integriti maklumat, memupuk kefahaman antara kaum, serta memastikan masa depan yang lebih harmoni dan stabil bagi Malaysia.

## PENGHARGAAN

Tiada penghargaan khusus ingin direkodkan untuk mana-mana pihak.

## PEMBIAYAAN

Penulisan ini tidak dibiayai oleh mana-mana agensi dan dana penyelidikan.

## SUMBANGAN PENULIS

Setiap penulis menyumbang secara sama-rata kepada penghasilan manuskrip ini.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada potensi konflik kepentingan berhubung dengan pelaksanaan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan bagi artikel ini

## RUJUKAN

- Allam, S. N. S., Mustaffa, N., & Ali, M. N. S. (2024). Pengaruh Kemahiran Literasi Media dalam Konteks Pengundi Muda Baharu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 40(2), 224-246. [https://journalarticle.ukm.my/23952/1/komunikasi\\_13.pdf](https://journalarticle.ukm.my/23952/1/komunikasi_13.pdf)
- Amdan, R., Abdullah, F., & Syed, M. A. M. (2022). Pandemik Covid-19, Norma Baharu dan Cabaran Wartawan Berita Kesihatan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 43-61. <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=196279>
- Azahari, M. A. M., & Jasmi, K. A. (2022). Penularan Berita Palsu di Malaysia. Dalam Jasmi, K.A., Hassan, A.M., & Embong, W.H.W. (Eds.), *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan*, 1(4). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia. pp. 391-398.
- Elvionita, T., & Sannusi, S. N. (2021). Kajian Literasi Media Dalam Kalangan Pelajar Terhadap Isu Kontroversi Malaysia dan Indonesia di Media Sosial. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(5), 1-17. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/444>
- Hamzah, S., Ani, F., Rameli, N., Nor, N. M., Halim, H., Rahman, R., Ali, A.S.M., Attan, M., & Kamri, K. A. (2020). Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 1(1), 55-63. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs/article/view/501>
- Haniffa, M. A., Mohamad, A. N. A., & Rathakrishnan, M. (2018). Konflik Perkauman Cina-Melayu Selepas Pendudukan Jepun di Tanah Melayu: Pandangan Berdasarkan Akhbar Seruan

- Ra'ayat. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(7), 54-70.  
<https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=124203>
- Haron, H. H. (2023). Infodemik COVID-19 di Malaysia: Satu Renungan ke Arah Penambahbaikan Kerangka Kawal Selia Maklumat Salah dan Berita Palsu. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(2), 289-308. [http://doi.org/10.37052/kanun.35\(2\)no5](http://doi.org/10.37052/kanun.35(2)no5)
- Kamil, I.S.M., & Malek, M.D.A. (2021). Berita Palsu Semasa Pandemik COVID-19: Tinjauan Dari Perspektif Perundangan. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial*, 5(1), 49-56.  
<https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=171749>
- Krippendorff, K. (2018). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology*. Sage Publications.
- Mashudi, R., Rahmat, H., Aziz, N. S., Sanudin, S. R., Bahar, N. F. M., & Said, M. H. M. (2024). Memahami Ungkapan dalam Berita Palsu Sebagai Strategi Komunikasi. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*, 6(3), 695-707.  
<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ajress/article/view/28140>
- Mat Zain, A. E., Ibrahim, H., Ismail, N., Ismail, S., Abu Hassan, N. A., & Dass Meral, F. F. (2024). Isu Antara Agama: Sorotan Awal Kemerosotan Toleransi Agama Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 11(2), 1–14. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v11i2.190>
- Mokhtar, S., Adam, S. D.S., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2022). Facebook: Satu Platform dalam Membentuk Kesepaduan Nasional di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 7(47), 295-308.  
[https://www.researchgate.net/publication/364292751\\_FACEBOOK\\_SATU\\_PLATFORM\\_DALA\\_M\\_MEMBENTUK\\_KESEPADUAN\\_NASIONAL\\_DI\\_SABAH](https://www.researchgate.net/publication/364292751_FACEBOOK_SATU_PLATFORM_DALA_M_MEMBENTUK_KESEPADUAN_NASIONAL_DI_SABAH)
- Rahman, R.A., Din, H. A. M., Liaw, J. O. H., Khalil, A. A., & Razak, M.A. (2019). *Kesepaduan Sosial Generasi Baharu Masyarakat Majmuk Malaysia Melalui Media Sosial: Suatu Kajian Pemahaman, Persepsi, Penerimaan dan Faktor*. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. pp. 1-12.  
[https://conference.uis.edu.my/pasak4/images/kk/sb/006\\_KK\\_ROSFAZILA\\_ET\\_AL.pdf](https://conference.uis.edu.my/pasak4/images/kk/sb/006_KK_ROSFAZILA_ET_AL.pdf)
- Rosman, N. M., & Rasit, R. M. (2021). Amalan Tabayyun Netizen dalam Menerima dan Menyampaikan Maklumat di Media Sosial. *Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 8(1), 102-115. <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/157>
- Wildemuth, B. M. (Ed.). (2016). *Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science*. Bloomsbury Publishing USA.